



KEJOHANAN OLAHRAGA MASTER TERBUKA MALAYSIA KE-34

LAPORAN



**PEMENANG 8 PINGAT EMAS SUKAN SEA
MOHD ZAKI BIN SADRI**

**21 – 22 MEI 2022
STADIUM UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR, MALAYSIA**

PENDAHULUAN (INTRODUCTION)

Kejohanan Olahraga Master Terbuka Malaysia Yang Ke-34 telah berlangsung dengan jayanya pada :

Tarikh : 21 – 22 Mei 2022
Hari : Sabtu dan Ahad
Masa : 7.00 pagi – 6.00 petang
Tempat : Stadium Universiti Malaya
Kuala Lumpur, Malaysia

(34th Malaysian Open Masters Athletics Championships were held successfully on 21 – 22 May 2022, at Stadium University Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia).

PESERTA

Seramai 500 orang peserta yang terdiri daripada umur 35 tahun dan ke 93 tahun dari dalam negara telah menyertai dalam kejohanan ini. Pada tahun ini POMM tidak menjemput atlet-atlet master dari luar negara kerana pandemik.

(500 participants from Malaysia took part in this championships – including a few former Malaysian International athletes and ex Olympians)

PENDAFTARAN DAN MESYUARAT PENGURUS PASUKAN

Semua peserta dan pasukan telah mendaftar dan mengutip nombor pada 20 Mei 2022, mulai jam 2.00 petang, di Stadium Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Semua peserta telah dibekalkan dengan Senarai nama peserta, buku cenderamata, Sijil Penyertaan dan nombor peserta.

Mesyuarat Pengurus Pasukan telah diadakan pada 20 Mei 2022, jam 6.00 petang, di bilik mesyuarat , aras bawah , stadium universiti.

(Nombor collection was held on 20th May 2022 from 2.00 pm. Team Managers' Meeting was held on the same day at 6.00 pm .)

PERJALANAN KEJOHANAN

Semua acara telah berlangsung dengan licin dan Upacara Penyampaian Hadiah telah berlangsung sepanjang 2 hari. Sebanyak 750 hadiah telah disampaikan. Semua hadiah telah disampaikan selepas sahaja acara tamat.

(The championships was conducted well throughout the 2 days, and about 750 over medals were presented during the 2 days).

ANUGERAH KHAS

1) ATLET TERTUA BERUSIA 93 TAHUN

ANUGERAH KHAS KEPADA ATLET MASTER BERUSIA 75 THN

KE ATAS

(SPECIAL AWARDS FOR OLDEST PARTICIPANTS)

Pada 21 MEI 2022, jam 3.00 petang, satu upacara khas telah diadakan untuk menyampaikan anugerah khas kepada atlet-atlet LELAKI yang berusia 80 tahun dan ke atas dan WANITA yang berusia 75 tahun ke atas. Seramai 6 orang atlet master telah menyertai kejohanan ini. **Atlet tertua adalah L. PUSHPANATHAN berusia 93 tahun.**

(On 21st May 2022, at 3.00 pm a special ceremony was held to present special awards to the oldest participants and those who were above 75 years.

The oldest participant in this championships was a 93 years old L. PUSHPANATHAN. He took part in 100m, 200M events in the 90 – 94 yrs category)

Atlet Lelaki yang berusia lebih dari 80 Tahun:

(Athletes 80 years and above)

L. Pushpanathan

Low Kuan Sow

Mohd Abas S. Sebastian

Santhirarajah Saravanamuttu

Atlet Wanita yang berusia lebih dari 75 Tahun:

Yap Lay Thong

Sarojeet Kaur @ Sarjeet Kaur

2). ANUGERAH CEMERLANG UNTUK 2 ORG ATLET MASTER

1). *THOMAS KOK*

Berusia 77 tahun.

Pingat Perak dalam WMA Championships 2005, di Sam Sebastian.

Pingat Perak dalam WMA Indoor Championships, di Daegu, South Korea.

Telah mencatatkan nama dalam **Malaysian Book of Records** kerana memenangi **22 pingat emas** dalam acara berjalan kaki di AMA Championships, Asia Pacific Masters Games dll.

2) *GOH KIM HENG MAGGIE*

Berusia 56 tahun.

Telah menyertai dalam 6 major marathon dan telah menerima anugerah **ABBOT, 2015.**

London marathon 2008

Boston marathon 2008

Tokyo marathon 2014

Chicago marathon 2014

Berlin marathon 2015

New York marathon 2015

Telah mencatatkan nama dalam **Malaysian Book of Records** pada tahun 2016, kerana mencapai prestasi yang cemerlang di peringkat antarabangsa.

3). ANUGERAH KHAS UNTUK PEGAWAI TEKNIK

POMM telah memberi penghormatan dan penghargaan kepada dua orang Pegawai Teknik Olahraga yang tertua dan yang telah lama bertugas dalam Kejohanan Olahraga Master Malaysia:

PUAN R. SENTHAMARAI SELVEE – BERUSIA 80 TAHUN
ENCIK ANANTAN SUPRAMANIAM – BERUSIA 71 TAHUN

4). ANUGERAH CEMERLANG KEPADA MOHD ZAKI BIN SADRI

POMM seperti tahun-tahun yang lepas telah memberi penghormatan kepada bekas atlet negara **MOHD ZAKI BIN SADRI** yang kini menyertai dalam kejohanan olahraga master . Beliau adalah pemenang 8 pingat emas dalam SUKAN SEA. Prestasi beliau adalah sangat mengagumkan. Untuk menghargai pengorbanan beliau kepada negara POMM telah menyampaikan anugerah khas kepada beliau.

5). PERFORMAN CEMERLANG

Atlet master **YAP JENG TZAN**, telah mencatatkan performan yang cemerlang dalam acara Melempar Cakera, kategori W35 – 39, dengan balingan sejauh **42.19 M**. Beliau merupakan bekas atlet kebangsaan yang telah memegang rekod kebangsaan acara **Melempar Cakera 47.79 m selama 11 tahun**.

UPACARA PENUTUPAN

Upacara penutupan kejohanan telah diadakan pada 22 Mei 2022, jam 6.00 petang di stadium dan penyampaian hadiah kepada pemenang dalam acara 5000m Lelaki, acara 4 x 100m dan 4 x 400m. Upacara Penyampaian telah

disempurnakan oleh Presiden POMM, ***Encik S. Sivapragasam***, Timbalan Presiden ***Encik Selamat bin Sarif***, dan Penaung POMM, ***YBhg Datuk Seri (Dr) V. Pulainthiran***.

(A simple closing ceremony was held at 6.00 pm with the presentation of prizes to the winners in the 5000m Men, 4 x 100m and 4 x 400m relays, by the President and the Patron of MMAA).

TAJAAN

Minuman tonik RXD BULL telah ditaja oleh Malik Streams Corporation Sdn Bhd. Minuman tonik ini telah diedarkan kepada semua peserta dan pegawai oleh pihak penaja pada kedua-dua hari kejohanan.

ULASAN

Ramai atlet dan pegawai yang menyertai dalam kejohanan ini sangat puas hati dan gembira dengan penganjuran kejohanan. Mereka sangat tertarik dengan hadiah dan penyampaian hadiah, serta perjalanan semua acara mengikut masa.

Kata-kata pujian daripada atlet dan pegawai-pegawai pasukan memberi semangat kepada pihak penganjur.

Beberapa performan yang dilakukan oleh atlet-atlet master adalah sangat mengagumkan dan menunjukkan betapa serious atlet-atlet master dalam penyertaan dalam kejohanan ini.

Kejohanan Olahraga master semakin menjadi popular dan menarik ramai peserta. Penyertaan dalam kejohanan meningkat dari tahun ke tahun. Kejohanan olahraga master yang dianjurkan oleh POMM sangat digemari oleh atlet master tempatan dan luar negara. Walau pun pada tahun ini, peserta dari luar negara tidak dijemput, banyak pertanyaan dan rayuan dari negara-negara luar telah diterima.

Prestasi atlet master juga meningkat dari masa ke semasa. Ada masanya performan atlet master menyamai dan mengatasi performan atlet negara. Contohnya adalah performan oleh atlet wanita dalam kategori 35 – 39 tahun dalam acara Melempar Cakera. Semangat dan minat yang ditunjukkan oleh atlet master amat mengagumkan.

(Athletes and officials who participated in this championships were very happy with the organisations. They congratulated the organisers for a job well done. They also expressed their sincere thanks for creating opportunity for the master athletes. They are very keen to take part in the next year championships.)

Masters athletics becoming very popular in Malaysia. The participation is increasing from year to year. This year championships was not open to foreigners, although there were many requests from foreign countries. It is really amazing to watch the senior athletes participating with full sportsmanship spirit and enjoying their fullest during the championships.)

SEMANGAT KESUKANAN

Terima kasih kepada semua Persatuan Olahraga Master negeri, semua peserta dan pasukan yang telah menyertai dalam kejohanan ini dengan semangat kesukunan yang tinggi. Semua peserta telah menunjukkan sikap bekerjasama, perpaduan dan toleransi yang amat tinggi.

Atlet-atlet master sentiasa menunjukkan perlakuan dan sikap positif yang boleh dijadikan teladan yang amat baik kepada generasi muda.

(Malaysian Masters Athletic Association - MMAA, expresses our appreciation to all participants from all the states who took part and exhibited sporting spirit throughout the championships. Master athletes have always been good examples to younger generation).

UCAPAN TERIMA KASIH

Persatuan Olahraga Master Malaysia mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Jabatan Belia dan Sukan Negara, Pesuruhjaya Sukan Malaysia, Persatuan Olahraga WP Kuala Lumpur, Universiti Malaya, Malik Streams Corporation Sdn. Bhd. dan Persatuan St. John Ambulan KL, atas bantuan dan sokongan dalam menjayakan kejohanan ini. Bantuan , sokongan dan kerjasama ini telah membantu menjayakan usaha kami demi kesejahteraan atlet master negara.

***S. Sivapragasam, A.M.W
Presiden
POMM
27 Mei 2022.***

34th MOMAC : 21 – 22 Mei 2022, KUALA LUMPUR



SPECIAL AWARDS TO TECHNICAL OFFICIALS



SPECIAL AWARDS TO OLDEST PARTICIPANTS



EXCELLENCE PERFORMANCE AWARDS



BEST PERFORMANCE OF 34TH MOMAC – 42.19M IN THE W35 -39 DISCUS



MASTER ATHLETES IN ACTION
At the 5000m start





L. PUSHPANATHAN – OLDEST PARTICIPANT, 93 YRS.

